

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah

TARIKH : 10.08.2017

SOALAN : NO. 21

Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perincian terhadap rombakan modul pembelajaran dan latihan yang akan dilaksanakan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) berikutan kes kematian mangsa buli di universiti terbabit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) sebuah universiti yang memberi fokus kepada tujuan pertahanan dan keselamatan dengan visi menjadi sebuah universiti pertahanan yang premier dalam bidang pendidikan, latihan dan penciptaan ilmu.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang melaksanakan beberapa langkah proaktif bagi meningkatkan tahap keterlibatan (*engagement*) dan tahap kesedaran pelajar mengenai aktiviti buli di peringkat institusi

pendidikan tinggi (IPT), antaranya melalui kerjasama erat dengan pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi penguatkuasa lain program-program pemerkasaan dan pembangunan, meningkatkan tahap keselamatan di kolej kediaman serta memantapkan prosedur keselamatan sedia ada di peringkat IPT sebagai langkah pencegahan awal.

KPT melalui dasar sedia ada turut menerapkan elemen dan nilai kemahiran insaniah bagi mengelakkan perbuatan buli berlaku. Dasar sedia ada iaitu penawaran kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) di semua IPT adalah bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan keterampilan kemahiran insaniah di samping kemahiran intelektual yang diwajibkan kepada semua pelajar.

KPT berpendirian bahawa penguatkuasaan undang-undang adalah penting bagi memastikan kesalahan jenayah dalam kalangan pelajar dapat ditangani dengan lebih berkesan. Ini dengan jelas dinyatakan di bawah peruntukan Seksyen 15D, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 ada menyatakan tentang penggantungan dan pembuangan pelajar yang dipertuduh atas suatu kesalahan jenayah atau kesalahan jenayah dibuktikan.

KPT juga telah menerbitkan buku *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi Kes-kes Tatatertib Pelajar Universiti Awam yang turut menggariskan tentang proses kerja Pra Perbicaraan Kes Pelajar Dituduh Atas Kesalahan Boleh Daftar di mana universiti awam mempunyai autonomi dalam membuat keputusan sama ada pelajar boleh digantung pengajian atau tidak sementara menunggu keputusan mahkamah terhadap kes yang dipertuduhkan.